

SHAH ALAM, 28 April 2019 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah menganjurkan program *Clean and Care Walk 2019* dengan penyertaan terbesar seramai 2072 orang mahasiswa UiTM Shah Alam dan mencipta rekod baharu dalam *Malaysia Book of Record* (MBR) sebagai Acara Plogging Terbesar di Malaysia.

Program yang telah dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM ini telah disertai oleh mahasiswa Kolej Seroja dan Meranti serta wakil daripada tujuh buah kolej kediaman dalaman UiTM Shah Alam yang lain. Plogging merupakan satu aktiviti yang menggabungkan aktiviti jogging sambil mengutip sampah (picking up litter) yang telah berlangsung sepanjang lima kilometer bermula dari Kolej Kediaman Seroja, UiTM menuju ke Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Program ini dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Anggerik, YB Najwan Halimi mewakili Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Khalid Abd Samad. YB Najwan juga turut merasmikan Majlis Penutupan Program Kesejahteraan Mahasiswa UiTM 2019 yang telah berlangsung selama empat hari bermula pada 25 sehingga 28 April 2019. Pelbagai pengisian telah dijalankan antaranya Kempen Kesejahteraan Pelajar, Ceramah Keselamatan dan Forum Kesejahteraan, Pertandingan Sketsa Kesejahteraan, Konvoi Motosikal dan Taklimat Keselamatan oleh agensi keselamatan serta pameran dari 15 buah agensi kerajaan.

Semasa berucap di Majlis Penutupan Program Kesejahteraan Mahasiswa UiTM 2019 ini, YB Najwan berkata bahawa beliau serta pihak kerajaan amat menyokong program seperti ini yang akan dapat menggalakkan komuniti untuk mengurangkan penggunaan bahan yang tidak lupus secara organik seperti polisterin dan plastik. Selain itu, program sebegini akan dapat memberi panduan kepada komuniti setempat tentang cara-cara menjaga alam sekitar, serta menghijaukan dan mengindahkan kawasan persekitaran serta mengamalkan cara hidup yang mengutamakan kelestarian alam.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor UiTM Hal Ehwal Pelajar (HEP), Prof. Dr Azizan Abdullah yang mewakili Naib Canselor UiTM, Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim menyatakan bahawa sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, UiTM akan menjuarai inisiatif kelestarian serta menyokong usaha-usaha pihak MBSA untuk menjadikan Shah Alam bandaraya hijau dan bebas karbon menjelang 2030.

UiTM PECAH REKOD MBR 'PENYERTAAN TERBESAR ACARA PLOGGING'



SIDANG REDAKSI

Penaung

Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim

Penasihat

Alfina Bakar

Ketua Editor

Mohammad Syazwan Mohd

Editor

Aida Ahmad Saipuddin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik

Junaidy Talib

Penulis Berita

Nor Amirah Md Amran (Pelajar Praktikal)
Nashrah Nazila Ahmad (Pelajar Praktikal)

Jurufoto

Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran

Asura Rahman



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor



UITM di hatiku



www.uitm.edu.my



UITM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasmii

Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat